



Diet Cacing Pita

Sejak dahulu, manusia berlumba-lumba untuk memperoleh kesempurnaan bentuk badan. Oleh sebab itu, pelbagai penyelesaian diperkenalkan, bermula daripada teknik senaman sehinggalah pengenalan ubat pelangsing. Orang yang terdesak untuk kelihatan kurus dan cantik mudah tertarik akan kaedah yang memberikan kesan terbaik walaupun memudaratkan.



Berdiet ialah cara yang sering digunakan untuk memastikan kelangsungan kesihatan tubuh badan. Bahkan, diet menjadi amalan rutin oleh hampir 80% masyarakat dunia. Kaedah ini perlu dilakukan dengan cara yang betul dan seimbang. Walau bagaimanapun, sesetengah pihak tidak berpuas hati terhadap kesan yang diperoleh daripada kaedah ini sehingga wujudnya teknik menguruskan badan yang dikenali sebagai diet cacing pita.

Sejarah diet cacing pita ini bermula apabila teori yang menyatakan kepunyaan cacing pita untuk menyerap

nutrien dan kalori daripada tubuh badan manusia, tersebar. Hal ini memberikan peluang kepada pengguna untuk menikmati pelbagai jenis makanan tanpa berasa risau tentang pertambahan berat badan.

Menurut Barbara Mikkleson, penyiasat daripada *Rumor Has It*, kapsul cacing pita pernah dijual secara terbuka di Amerika Syarikat antara tahun 1900 hingga tahun 1920. Selain itu, Barbara Mikkleson turut melaporkan kesangsian bahawa kapsul yang dijual ini berkemungkinan besar tidak mengandungi cacing pita seperti yang diuar-uarkan.

Sesetengah pihak mungkin pernah mendengar nama Maria Callas. Wanita ini penyanyi opera yang dipercayai berjaya mengurangkan berat badan sebanyak 60 paun dengan membiarkan cacing pita menjadi penghuni di dalam perutnya. Namun begitu, tiada bukti kukuh yang dapat mengesahkannya. Beberapa tahun lalu, sejenis pil diet dengan jaminan bahawa pil ini mampu mengurangkan berat badan dalam tempoh yang singkat, diperkenalkan. Pihak yang terpedaya mengambil pil diet ini tanpa rasa sangsi.



Cacing Pita

Selang beberapa minggu, produk ini menunjukkan kesan yang positif sehinggalah pengguna mengalami penurunan berat yang mendadak. Setelah menerima banyak laporan daripada pengguna, pihak berkuasa mengambil keputusan untuk menyiasat kes ini. Pihak kerajaan membuka pil diet ini dan menemukan kepala cacing pita. Sejak kejadian itu, penjualan dan pengambilan pil cacing pita diharamkan walaupun masih ada sesetengah pihak yang cuba untuk mengamalkan kaedah yang sama.

Cacing pita sejenis hidupan parasit yang menumpang di dalam badan hidupan lain yang dikenali sebagai perumah. Parasit ini kelihatan seperti tali berbelit yang panjangnya dapat mencapai hingga 20 kaki (6.1 meter) dan mempunyai jangka hayat yang sangat lama. Anggota badan seekor cacing pita terdiri daripada kepala, leher dan rantaian segmen atau bahagian. Setiap rantaian ini terbentuk daripada tiga atau lebih 40 ribu bahagian yang berukuran antara satu inci (2.5 cm) hingga 75 kaki (23 m). Cacing ini menyerap nutrien secara terus melalui usus perumah dan

membiakkan berjuta-juta telur pada masa yang sama.

Berdasarkan kajian, ada hampir 1500 spesies cacing pita yang berjaya dikesan. Sebanyak 25 daripada spesies ini mampu menjangkiti tubuh badan manusia. Idea di balik kaedah ini ialah perkongsian makanan antara perumah, iaitu manusia, dengan cacing pita sebagai parasit.

Cacing pita melekatkan kepalanya dengan menggunakan organ penyedut atau *bothridia* atau *bothria* pada dinding usus perumah. Kemudian, parasit ini menyedut makanan yang diambil oleh perumah.

Oleh sebab tidak mempunyai sistem pencernaan sendiri, cacing pita turut mendapat bekalan nutrien, seperti vitamin B12, daripada perumah yang ditumpangnya. Kehilangan sumber vitamin B12 yang maksimum memberikan kesan negatif kepada manusia.


Secara biasanya, manusia memerlukan tenaga yang lebih untuk membuang kalori daripada tubuh badan menerusi senaman fizikal. Jika dilihat dari sudut ini, cacing pita dapat dianggap sebagai bantuan tambahan untuk mengurangkan jumlah kalori yang diserap tanpa perlu mengurangkan pengambilannya. Penggemar diet cacing pita amat menyokong cara ini kerana dapat menikmati apa-apa jenis makanan dan mengurangkan berat badan pada masa yang sama.

Bagi memulakan diet cacing pita, langkah pertama yang perlu dilakukan adalah dengan menjadi perumah bagi cacing pita. Cara konvensional untuk


dijangkiti oleh parasit ini adalah dengan memakan daging mentah, bersentuhan dengan najis yang dijangkiti atau mengambil makanan yang mengandungi cacing pita. Yang sebenarnya, cara yang paling mudah adalah dengan mengamalkan kapsul yang mengandungi cacing pita. Setelah menjangkiti perumahannya, parasit ini memasuki sistem pencernaan dan memulakan tugasnya sebagai penyedut makanan.

Diet cacing pita memberikan hasil yang cepat dan signifikan kepada pengamalannya. Namun begitu, kaedah diet ini memberikan kesan yang buruk. Bahkan, keburukan diet cacing pita lebih banyak berbanding dengan kebaikan.

Kesan positif pengalaman diet cacing pita dapat dilihat dari segi penurunan berat badan tanpa perlu berlapar atau mengamalkan diet yang menyeksakan badan. Bagi individu yang disibukkan dengan jadual harian yang terlalu ketat, tidak perlu lagi membuang masa dan duit untuk berulang-alik ke gim untuk bersenam. Hal ini evolusi yang menguntungkan pengguna. Selain itu, ahli sains dari Jepun mempercayai bahawa cacing pita dapat merawat pelbagai jenis alahan dan demam.



Praziquantel atau ubat anticacing membunuh cacing pita di dalam tubuh badan manusia dengan mengecutkan otot cacing pita untuk selama-lamanya.



meburukan cacing pita sangat
kutukan. Kaedah ini terbukti boleh
akibatkan kematian kerana cacing
tidak berhenti daripada menyerap
nutrien daripada tubuh badan manusia
jika cacing pita tidak dibuang. Lebih-
lagi jika cacing pita diperolehi
pada khinzir.

Kesihatan tidak dirawat, iaitu untuk
membuang parasit ini setelah dijangkiti,
kemungkinan besar bahawa individu
mengalami malnutrisi yang teruk. Ada
beberapa manusia yang menjadi perumah
cacing pita mengalami ketidakselesaan
dalam usus, cirit-birit, loya dan
berat badan yang rendah.

Menurut Barnett menerusi
penemuannya yang bertajuk "Infestasi
Cacing Pita: Penyebab Anemia
dan Ketidakselamatan Zat Besi yang Ditunjukkan
dalam Kapsul Endoskopi", doktor
menyatakan bahawa penyakit ulser dan
perdarahan boleh berlaku disebabkan oleh
kehidupan cacing pita.

Penemuan ini melibatkan seorang budak
dengan masalah anemia yang
tidak dapat diubuh walaupun mengamalkan diet
yang normal. Pemeriksaan kesihatan
menunjukkan bahawa tiada parasit yang
dapat ditemui. Kemudian, doktor
membuang cacing pita daripada tubuh
budak ini. Setelah rawatan ini dilakukan,
hasil ujian darah budak lelaki ini

berdasarkan beberapa kajian lain,
menunjukkan bahawa hasil daripada kaedah
ini berkesan dalam tempoh
waktu. Setelah cacing pita dibuang
daripada tubuh badan manusia, individu

ini mengalami peningkatan berat
badan jika pengambilan makanan tidak
diakawal.

Selain itu, cacing pita boleh
menyebabkan kesan perut buncit
yang pastinya kelihatan tidak menarik.
Perbelanjaan yang diperlukan untuk
menjayakan diet cacing pita juga amat
tinggi. Hal ini dikatakan demikian
kerana sumber cacing pita yang asli
sukar diperolehi dan kos rawatan yang
diperlukan untuk membuang parasit
ini tinggi, termasuklah perbelanjaan
pengangkutan.

Apabila dijangkiti oleh cacing pita
secara sengaja atau tidak sengaja,
rawatan perlu didapatkan dengan
segeranya. Pelbagai jenis rawatan
diperkenalkan oleh pakar perubatan.
Satu daripadanya ialah pengambilan
antibiotik yang dipreskripsi oleh doktor.

Selain itu, jangkitan cacing pita juga
boleh dirawat dengan cara mengambil
dosis ubat anticacing atau praziquantel.
Praziquantel membunuh cacing pita di
dalam tubuh badan manusia dengan
mengecutkan otot cacing pita untuk
tempoh selama-lamanya. Kemudian,
parasit ini disingkirkan daripada tubuh
badan manusia menerusi proses
penyautinjanan.

Bagi sesetengah pihak yang kurang
menggemari pengambilan ubat klinikal,
ada rawatan secara semula jadi yang
dapat menyingkirkan parasit daripada
tubuh badan. Antaranya termasuklah
pengambilan buah, seperti kelapa
dan betik muda. Buah kelapa, agen
antiparasit semula jadi yang paling

mujaarab untuk menyingkirkan semua
jenis cacing pita.

Betik muda pula digunakan secara
meluas sebagai penawar untuk merawat
pelbagai jenis penyakit, termasuklah
jangkitan cacing pita. Hal ini dikatakan
demikian kerana susu getah daripada
buah betik yang belum masak kaya
dengan sejenis enzim yang dikenali
sebagai papain.

Enzim papain ini mempunyai ciri
khusus seperti ubat anticacing yang
dapat membunuh cacing pita dengan
berkesannya. Tambahan pula, biji buah
betik mengandungi bahan kimia yang
dikenali sebagai karikinin yang dipercayai
dapat menghalau cacing pita daripada
tubuh badan manusia.

Selain buah segar, ada tumbuhan
lain yang boleh digunakan sebagai ubat
semula jadi untuk merawat jangkitan
parasit. Sebagai contohnya, bawang
putih, badam, biji karom dan kulit kayu
delima.

Walaupun banyak rawatan
diperkenalkan, langkah berjaga-jaga
untuk menjauhi jangkitan cacing pita
pada peringkat awal, lebih baik. Cara
yang paling mudah adalah dengan
mengelakkan pembiakan parasit di
dalam makanan, terutamanya daging,
menerusi proses pembekuan pada suhu
-17 darjah F (-10 darjah C) dalam tempoh
10 hari atau memastikan makanan ini
dimasak sepenuhnya.

Keberkesanan diet cacing pita bukan
isu yang sepatutnya menjadi persoalan.
Masyarakat yang hidup pada era
modernisasi perlu bijak menilai, sama ada
sesuatu itu baik atau buruk. Masyarakat
seharusnya amat memaklumi bahawa
parasit, seperti cacing pita, ialah musuh
senyap yang dapat membinasakan
perumahannya.

Walaupun daya tarikan kaedah diet
cacing pita ini tinggi, pengakhirannya
tidak seperti yang dihabarkan. Oleh
sebab itu, katakana tidak kepada diet
cacing pita dan amalkanlah gaya hidup
yang seimbang. Tidak perlu untuk
menggadaikan nyawa semata-mata
untuk kelihatan langsing. Sesungguhnya,
memiliki tubuh badan yang sihat jauh
lebih baik berbanding dengan memiliki
tubuh badan yang cantik. ■